

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SELANGOR

OLEH
ROZIAH BN/TU MOHD YUSOF
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserah Kepada
Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

12615



LI 78 FPE 1 2005



1100045484

Laporan akhir latihan industri di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor / Roziah Mohd Yusof.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

21000 KUALA TERENGGANU
1100045484

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
(SUK)**

OLEH

ROZIAH BINTI MOHD YUSOF
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100045484

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Roziah binti Mohd Yusof (UK9258)**, No. Kad pengenalan **830322-08-5610** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan ini.

Tandatangan

.....


Nama: ROZIAH BINTI MOHD YUSOF

Tarikh: 15-11-2005

Disahkan Oleh:

.....


Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Assalammualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T di atas limpah dan kurniaNya, saya dapat menyiapkan laporan ini. Laporan amali ini dapat disiapkan dengan bantuan daripada beberapa pihak yang telah membantu saya dalam menyiapkan laporan amali ini. Di sini juga saya mengambil kesempatan untuk melafazkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang telah banyak membantu saya sama ada yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada pihak Kolej Universiti Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana memberi peluang kepada saya untuk mengikuti program Latihan Industri di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK). Saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) di Seksyen Pembangunan Sosial yang menerima saya untuk menjalani Latihan Industri di sini. Tidak mungkin dilupakan juga penghargaan kepada Penyelia KUSTEM iaitu Cik Siti Aisyah Saat dalam memberi tunjuk ajar dan perhatian kepada saya untuk menjalani Latihan Industri. Ucapan terima kasih juga kepada Puan Asmah Mohsin kerana membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menjalani Latihan Industri di sini. Di sini saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada warga pekerja dan semua pegawai di Seksyen Pembangunan Sosial dalam memberi bantuan dan tunjuk ajar dalam membuat sesuatu kerja atau tugas.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri merupakan teras program iaitu kepada program-program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) umumnya manakala adalah wajib bagi program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial khususnya. Bagi keperluan seseorang yang bergraduat, seseorang pelajar itu perlu menjalani Latihan Industri yang merupakan enam jam kredit. Latihan Industri adalah merupakan penempatan pelajar di dalam industri atau organisasi awam ataupun swasta. Tempoh latihan adalah selama 12 minggu iaitu bermula 21 Mac 2005 sehingga 11 Jun 2005. Sepanjang menjalani Latihan Industri, pelajar-pelajar berpeluang mempelajari bagaimana situasi sebenar di alam pekerjaan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, pelajar juga berpeluang mempelajari selok-belok dunia pekerjaan dan bagaimana aspek pentadbiran dan pengurusan sesebuah organisasi.

Salah satu aspek penilaian dalam Latihan Industri ialah pelajar-pelajar Latihan Industri mempunyai dua orang penyelia iaitu Penyelia Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) dan Penyelia Industri. Penyelia KUSTEM adalah pensyarah yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Latihan Praktikal Industri yang bertanggungjawab untuk menyelia, perancangan kerja, membuat pemantauan di organisasi, menyemak laporan dan memberi penilaian kepada pelajar yang merangkumi 80% daripada jumlah keseluruhan. Manakala penyelia industri adalah kakitangan yang telah dilantik oleh organisasi di mana tanggungjawab beliau adalah merangkumi penilaian sebanyak 20% sepanjang pelajar berada di organisasi tersebut. Penilaian dari penyelia industri merangkumi penilaian pelajar mengendalikan organisasi tersebut.

Latihan Industri merupakan satu program yang mempunyai misi dan visi yang tersendiri. Antaranya ialah memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang alam pekerjaan yang sebenar dimana pelajar dapat melihat sendiri senario alam pekerjaan yang sebenar tidak kira dalam sektor swasta ataupun kerajaan. Pengalaman ini akan menjadi panduan kepada pelajar sebelum pelajar memasuki alam pekerjaan yang sebenar. Oleh itu, pendedahan awal ini amat penting bagi pelajar untuk membentuk keperibadian seseorang pekerja yang diperlukan oleh pasaran tenaga kerja pada hari ini.

Selain itu, pelajar juga dapat menambahkan pengetahuan mengenai sesuatu organisasi sama ada dalam sektor swasta atau kerajaan. Seterusnya pengetahuan ini dapat digunakan untuk diaplikasikan dengan perspektif masa depan program Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial untuk melahirkan pegawai tadbir yang beretika dan berwibawa. Melalui Latihan Industri ini pelajar akan didedahkan mengenai peranan , tanggungjawab , ciri-ciri serta kelayakan untuk menjadi pegawai yang berkhidmat dalam kumpulan pengurusan professional gred N41 dapat difahami dengan lebih jelas melalui pemerhatian sepanjang menjalani latihan (Jawatankuasa Latihan Praktik dan Industri , 2004).

Akhir sekali laporan ini akan membincangkan mengenai struktur pentadbiran di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan unitnya Seksyen Pembangunan Sosial dengan menerangkan mengenai latarbelakang organisasi, objektif, fungsi, misi, visi, tanggungjawab dan kemahiran dalam bab 1. Seterusnya bab 2 pula akan membincangkan mengenai pengenalpastian masalah iaitu dalam aspek analisis sistem kerja, masalah-masalah yang dikenalpasti dan cadangan penyelesaian masalah oleh pelatih. Manakala dalam bab 3 pula akan membincangkan mengenai Analisis SWOT dimana menyatakan mengenai kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman organisasi. Secara umumnya ia akan menerangkan mengenai pengurusan dan pentadbiran yang dijalankan oleh bahagian pentadbiran Seksyen Pembangunan Sosial di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam memberi perkhidmatan kepada kakitangan, pelajar dan orang ramai.